



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 JANUARI 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

26 JANUARI 2023 (KHAMIS)

Sorok minyak paket subsidi dalam bilik sauna terbiar

Serbuan KPDN Pulau Pinang di kondominium hasil aduan orang ramai

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membongkar aktiviti menyembunyi-

kan minyak masak paket bersubsidi dalam bilik sauna terbiar di sebuah kondominium dekat Jalan Bukit Gambir, di sini.

Pengarah KPDN negeri, S Jegan, berkata kejayaan hasil serbuan jam 10 pagi kelmarin susulan risikan dua minggu selepas pihaknya menerima aduan daripada orang awam yang tinggal di sekitar kondominium berkenaan.

"Hasil serbuan kami menemukan sejumlah 2,980 kilogram (kg) minyak masak paket dianggarkan bernilai RM6,407 yang disimpan dalam ruangan yang dijadikan stor dan berkunci daripada luar.

"Pasukan kami turut mena-

Jegan (dua dari kiri) menunjukkan minyak masak paket yang dirampas pada sidang media di Bukit Mertajam, semalam.

han seorang lelaki berusia 40 tahun yang mendakwa premis itu diuruskan bapanya, namun tidak mempunyai maklumat mengenai kegiatan menyorok minyak terbiar.

"Difahamkan keluarga lelaki berkenaan turut tinggal di unit kondominium berkenaan, manakala bilik sauna terbiar terletak di aras bawah bangunan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Siasat modus operandi

Jegan berkata, pihaknya, sedang

mengesan bapa lelaki terbiar untuk mendapatkan maklumat daripada mana bekalan minyak bersubsidi itu diperoleh dan ke mana ia akan dipasarkan.

Beliau tidak menolak kemungkinan minyak itu dijual kepada pihak tertentu, terutama peniaga makanan dengan harga lebih tinggi berbanding harga pasaran RM2.50.

"Bagaimanapun, modus operandi kes termasuk kemungkinan sama ada minyak itu akan dipek semula dalam botol atau terus dijual dalam bentuk asal, atau

mungkin diseludup ke luar negara masih dalam siasatan.

"Pihak kami memuji sikap prihatin orang ramai yang memberi maklumat kerana kegiatan seumpama ini sukar dikesan jika ia dilakukan di premis persendirian seperti rumah dan sebagainya," katanya.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan individu disabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.



(Foto Daniel Saad/BH)



JEGAN (kanan) menunjukkan minyak paket yang dirampas semalam.

Minyak paket di bilik sauna

SEBERANG PERAI – Tembelang seorang lelaki yang menjadikan bilik sauna sebagai stor untuk menyembunyikan minyak masak paket bersubsidi terbongkar apabila diserbu pihak berkuasa di sebuah apartmen di Jalan Bukit Gambir, George Town dekat sini semalam.

Serbuan oleh sepasukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Pulau Pinang pada pukul 10 pagi itu dapat merampas 2,980 kilogram minyak tersebut.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya melakukan risikan selama dua minggu susulan aduan

yang diterima daripada orang ramai termasuk jiran lelaki berusia 40-an tersebut.

"Minyak itu diperolehi tanpa lesen borong atau runcit. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM6,407.

"Lelaki yang ditahan merupakan anak pemilik premis. Siasatan masih dijalankan termasuk mengenal pasti modus operandi mereka," katanya pada sidang akhbar di sini.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang membawa hukuman denda RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM44.29
• Daging Lembu Import	RM55.80
• Telur Gred A	RM13.50
• Ikan Kembung	RM14.25
• Minyak Masak	RM6.90
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM3.58
• Bawang Putih	RM5.00
• Cili Merah	RM7.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM4.00
• Tepung Gandum	RM3.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDN)

27 JANUARI 2023 (JUMAAT)

MyIPO sedia RM2 juta Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0

PUTRAJAYA: Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) menyediakan Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 berjumlah RM2 juta menerusi inisiatif Daya Kreatif yang dilancarkan semalam.

Dana itu dijangka memberi manfaat kepada 2,000 usahawan terutamanya dari sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang merangkumi pembiayaan bagi kesemua pemfailan komponen harta intelek termasuk kos kerja yang memerlukan khidmat profesional dan teknikal seperti pendrafan paten.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, menerusi dana itu, kerajaan akan membiayai kos pemfailan cap dagangan, paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi.

"Kepada semua usahawan,



SALAHUDDIN Ayub bersama para penerima dana selepas melancarkan Dana IP dan Pemfailan Harta Intelek 2.0 di Putrajaya, semalam.

saya menyeru supaya anda mengambil iltizam dan tanggungjawab untuk melindungi harta intelek yang dimiliki agar

tiada pihak yang mengambil kesempatan dan mendatangkan kerugian kepada pemilik sebenar harta intelek.

"Adalah diharapkan dana ini dapat membantu meringankan beban usahawan-usahawan tempatan seterusnya mening-

katkan daya saing melalui perlindungan harta intelek dan merangsang ekonomi negara," katanya berucap di Majlis Pelancaran Daya Kreatif: Pemfailan Harta Intelek 2.0 Tahun 2023 di sini, semalam.

Sebelum ini, MyIPO turut menawarkan dana sama pada 2016 sehingga 2020 berjumlah RM2.5 juta membabitkan seramai 1,465 usahawan sebagai penerima manfaat.

Permohonan Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 itu boleh dibuat secara dalam talian atau hadir ke ibu pejabat dan cawangan MyIPO berhampiran.

Dalam sidang media, Salahuddin turut menyentuh mengenai situasi penggiat seni di negara ini khususnya artis-artis lama yang tidak mendaftarkan hasil karya mereka sehingga terpaksa menanggung kerugian akibat tidak menerima bayaran royalti yang sepatutnya.

MyIPO sedia RM2 juta Dana Pemfailan Harta Intelekt 2.0

PUTRAJAYA – Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) menyediakan Dana Pemfailan Harta Intelekt 2.0 berjumlah RM2 juta menerusi inisiatif Daya Kreatif untuk melindungi harta intelek para usahawan di negara ini.

Dana itu dijangka memberi manfaat kepada 2,000 usahawan, terutamanya sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana merangkumi pembiayaan bagi kesemua pemfailan komponen harta intelek termasuk kos kerja.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, menerusi dana itu, kerajaan akan membiayai kos pemfailan cap dagangan, paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi.

"Saya menyeru usahawan supaya mengambil iltizam dan tanggungjawab untuk melindungi harta intelek dimiliki agar tiada pihak mengambil kesempatan dan mendatangkan kerugian kepada pemilik sebenar.

"Diharapkan dana ini dapat membantu meringankan beban usahawan tempatan, seterusnya meningkatkan daya saing melalui perlindungan harta intelek dan merangsang ekonomi negara," katanya.



SALAHUDDIN (tengah) bergambar bersama para penerima dana selepas melancarkan simbolik pelancaran Dana Kreatif: Pemfailan Harta Intelekt 2.0 Tahun 2023 di Putrajaya semalam. –FAISOL MUSTAFA

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Daya Kreatif: Pemfailan Harta Intelekt 2.0 Tahun 2023 di sini semalam.

Sebelum ini, MyIPO turut menawarkan dana sama pada 2016 sehingga 2020 berjumlah RM2.5 juta melibatkan 1,465 usahawan sebagai penerima manfaat.

Permohonan Dana Pemfailan Harta Intelekt 2.0 itu boleh dibuat secara online atau hadir ke Ibu pejabat dan cawangan MyIPO berhampiran.

Dalam pada itu, Salahuddin menyentuh mengenai situasi penggiat seni di negara ini, khususnya artis-artis lama yang tidak mendaftarkan hasil karya mereka hingga menanggung kerugian akibat tidak menerima bayaran royalti sepatutnya.

"Kebanyakan mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan bayaran royalti.

"Ramai yang hidup susah, mungkin pada waktu itu kurang kesedaran untuk mendaftar hasil karya mereka," ujarinya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

27 JANUARI 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 27 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
27-Jan	KPDN bantu daftar harta intelek, naikan kedudukan Indeks Inovasi Global	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1056250/kpdn-bantu-daftar-harta-intelek-naikan-kedudukan-indeks-inovasi	BH
27-Jan	Intellectual Property Filing Fund 2.0 worth RM2m launched	https://www.thesundaily.my/local/intellectual-property-filing-fund-20-worth-rm2m-launched-GB10553948	THESUNDAILY
27-Jan	ana Harta Intelek 2.0 mampu perbaiki kedudukan Malaysia – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/01/26/dana-harta-intelek-2-0-mampu-perbaiki-kedudukan-malaysia-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
27-Jan	KPDN bantu daftar harta intelek, naikan kedudukan Indeks Inovasi Global	https://youtu.be/UvUOXH8OZoI	HM
27-Jan	MGNews: Salahuddin Sedih Dengan Nasib Penyanyi Tempatan	https://malaysiagazette.com/2023/01/26/mgnews-salahuddin-sedih-dengan-nasib-penyanyi-tempatan/	MALAYSIAGAZETTE
27-Jan	KPDN komited bantu golongan seni dapatkan bayaran royalti – Salahuddin Ayub	https://malaysiagazette.com/2023/01/26/kpdn-komited-bantu-golongan-seni-dapatkan-bayaran-royalti-salahuddin-ayub/	MALAYSIAGAZETTE
27-Jan	Industri muzik salah satu tiang pertumbuhan ekonomi negara	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/rap/2023/01/929438/industri-muzik-salah-satu-tiang-pertumbuhan-ekonomi-negara	HM
27-Jan	Sorok minyak paket subsidi dalam bilik sauna terbiar	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/929498/sorok-minyak-paket-subsidi-dalam-bilik-sauna-terbiar	HM
27-Jan	Sorok minyak paket subsidi dalam bilik sauna terbiar	https://youtu.be/1Qo1PW5L_r8	ASTROAWANI
27-Jan	KPDN recommends Touch 'n Go to change its visa card name to avoid confusion	https://technave.com/gadget/KPDN-recommends-Touch-n-Go-to-change-its-visa-card-name-to-avoid-confusion-33258.html	TECHNAVE

27-Jan	MyIPO peruntuk RM2 juta dana untuk usahawan daftar harta intelek	https://suaramerdeka.com.my/myipo-peruntuk-rm2-juta-dana-untuk-usahawan-daftar-harta-intelek/	SUARAMERDEKA
27-Jan	MyIPO sedia RM2 juta Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0	https://www.kosmo.com.my/2023/01/26/myipo-sedia-rm2-juta-dana-pemfailan-harta-intelek-2-0/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=myipo-sedia-rm2-juta-dana-pemfailan-harta-intelek-2-0	KOSMO
27-Jan	Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 akan manfaat 2,000 usahawan PMKS	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/01/26/dana-pemfailan-harta-intelek-2-0-akan-manfaat-2000-usahawan-pmks/	FMT
27-Jan	Pelihara Hak Cipta : 2,000 PMKS Bakal Raih Manfaat RM2 Juta Dana Pemfailan Harta Intelek	https://rnggt.com/202327584/	RNGGT
27-Jan	Intellectual Property Filing Fund 2.0 Worth RM2 Million Launched	https://www.businesstoday.com.my/2023/01/26/intellectual-property-filing-fund-2-0-worth-rm2-million-launched/	BUSINESSTODAY
27-Jan	Intellectual Property Filing Fund 2.0 Worth RM2 Million Launched	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2159241	BERNAMA
27-Jan	MyIPO lancar dana pemfailan harta intelek 2.0	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/56049-myipo-lancar-dana-pemfailan-harta-intelek-2-0	BERITARTM
27-Jan	MyIPO sedia dana RM2 juta untuk pendaftaran harta intelek	https://www.buletintv3.my/detik-niaga/myipo-sedia-dana-rm2-juta-untuk-pendaftaran-harta-intelek/	BULETINTV3
27-Jan	Pakar ekonomi gesa percepat atasi	https://vt.tiktok.com/ZS8D1DN9o/	TIKTOK
27-Jan	Kolaborasi dengan KPDN diyakini pacu pertumbuhan industri muzik, ekonomi	https://m.malaysiakini.com/hiburan/652879	MALAYSIAKINI
27-Jan	KPDN Pulau Pinang bongkar kegiatan seleweng minyak masak bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-pulau-pinang-bongkar-kegiatan-seleweng-minyak-masak-bersubsidi-403718%3famp=1	ASTROAWANI

27-Jan	2.9 tan minyak masak paket dirampas dalam bilik sauna terbiar	https://malaysiagazette.com/2023/01/26/2-9-tan-minyak-masak-paket-dirampas-dalam-bilik-sauna-terbiar/	MALAYSIAGAZETTE
27-Jan	Sorok 2,980kg minyak masak peket dalam bilik sauna terbiar	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/242302	SH
27-Jan	KPDN P.Piang bongkar kegiatan seleweng minyak masak bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2159232	BERNAMA
27-Jan	KPDN seize 18,000 litres of subsidised diesel in Labuan	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-seize-18000-litres-of-subsidised-diesel-in-labuan-HB10554254	THESUNDAILY
27-Jan	Tak sempat isi petrol seludup	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/01/1056496/tak-sempat-isi-petrol-seludup	BH
27-Jan	Import telur ayam sehingga bekalan stabil	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/242321	SH